

15 Februari Harian 13/05/2010 M/S 12

# Sembilan didakwa rogol remaja 15 tahun

## Semua tertuduh mengaku tidak bersalah, diikat jamin antara RM3,000 hingga RM7,000

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim  
jalal@bharian.com.my

**T**ELUK INTAN: Sembilan lelaki termasuk pasangan adik beradik dan seorang masih di bawah umur, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana merogol seorang remaja perempuan berusia 15 tahun di Sungkai pada 28 Februari dan 1 Mac lalu.

Bagaimanapun mereka yang berusia antara 15 dan 29 tahun termasuk seorang yang didakwa atas dua pertuduhan mengaku tidak bersalah. Semua mereka adalah antara lebih 10 suspek yang disyaki merogol mangsa bergilir-gilir.

Tiga tertuduh iaitu juvana berusia 15 tahun; Muhamad Shafiq Abu Samah, 21, dan Saiful Azimi Mhd Razalli, 29,

didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa di dalam Klah'6, Family Spa, Hot Spring, Sungkai antara jam 6.10 petang hingga 8 malam pada 28 Februari.

Tertuduh pasangan adik beradik, Shahrul Hisyam Hashim, 21, dan Mohd Shahabudin, 23, serta empat lagi iaitu Mohd Athika Mohd Hanapi, 19; Muhamed Shafeq Mohamed Shahimi, 20; Ah-

mad Noor Sofiaan Alias, 23, dan Mohd Rosli Mustapa, 26, pula didakwa melakukan perbuatan sama di rumah No D6 Jalan Melor, Felda Sungai Klah, Sungkai, antara jam 1 pagi hingga 5 pagi, sehari kemudian iaitu 1 Mac.

Saiful Azimi juga didakwa atas satu lagi kesalahan iaitu melakukan perbuatan sama ke atas mangsa di rumah No A24 Felda Sungai Klah, an-

tara jam 12 tengah hari dan 6 petang juga pada 1 Mac, menjadikan dia tertuduh tunggal didakwa atas dua pertuduhan.

Semua mereka yang berasal dari Sungkai terutama Felda Sungai Klah kecuali Muhamad Shafiq dari Felda Soeharto, Kuala Kubu Bharu, Selangor, didakwa mengikut Seksyen 376 (2) Kanun Keseksan yang boleh dike-

nakan hukuman penjara antara lima hingga 30 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Hakim Faiz Dziyauddin menetapkan kes itu dibicarakan pada 21 Jun ini selepas kesemua tertuduh meminta dibicarakan. Beliau mengenakan ikat jamin antara RM3,000 hingga RM7,000 bersama seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.